

26 JUL 2001

MAHATHIR-WAFER

EKSPORT WAFER BUATAN MALAYSIA MUNGKIN CECAH RM2.2 BILION SETAHUN

KULIM, 26 Julai (Bernama) -- Malaysia boleh mengharapkan pendapatan pertukaran asing tambahan sebanyak RM2.2 bilion setahun daripada eksport wafer tidak lama lagi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya, angka ini boleh dicapai apabila kilang-kilang pembuatan wafer, 1st Silicon di Kuching dan Silterra di sini, mencapai tahap pengeluaran optimum masing-masing.

Diunjurkan bahawa jumlah jualan bagi industri separa konduktor seluruh dunia akan meningkat kepada RM1,075.4 bilion (AS\$283 bilion) menjelang tahun 2004, katanya ketika merasmikan Silterra Malaysia Sdn Bhd, kilang pembuatan wafer separa konduktor di Taman Teknologi Tinggi Kulim, di sini.

Walaupun Malaysia menyedari kelembapan pasaran separa konduktor sedunia pada masa ini, namun masa depan sektor ini masih cerah, ujar beliau.

Kerajaan, katanya, sangat menggalakkan syarikat-syarikat milik Malaysia dan syarikat usaha sama milik majoriti Malaysia untuk menceburi bidang fabrikasi wafer melalui perikatan strategik dengan syarikat-syarikat multinasional (MNC).

Dr Mahathir berkata, langkah ini akan membolehkan Malaysia mendapatkan teknologi wafer dengan lebih baik.

Kata beliau, kerajaan bersedia menyokong projek-projek demikian dengan mengadakan insentif-insentif cukai dan bukan fiskal lain yang sesuai.

Katanya, walaupun enam projek yang melibatkan pelaburan oleh syarikat-syarikat multinasional untuk mengeluarkan wafer separa konduktor telah diluluskan, tetapi hanya dua -- 1st Silicon dan Silterra -- telah dilaksanakan.

Kedua-duanya telah dimulakan dan dimiliki oleh kerajaan melalui sayap pelaburannya Khazanah Nasional Bhd, Bank Industri dan kerajaan negeri Sarawak.

"Kerajaan menyedari sepenuhnya bahawa di antara sebab-sebab MNC asing tidak melaksanakan projek-projek mereka adalah kerana industri ini berintensifkan modal - setiap satu melibatkan kos lebih RM5 bilion, tempoh gestasi projek yang panjang dan juga risikonya yang tinggi disebabkan oleh sifat kitaran industri ini," kata beliau.

Kata Perdana Menteri, pengeluaran wafer di dalam negeri akan menyokong lagi syarikat-syarikat separa konduktor yang pada masa ini bergantung kepada wafer yang diimport.

Fabrikasi wafer telah dikenal pasti oleh Pelan Induk Perindustrian Kedua (1996-2005) negara ini sebagai sebuah industri strategik yang perlu bagi mengekalkan kemajuan industri elektronik di negara ini pada masa akan datang.

Dr Mahathir berkata, pembinaan kilang-kilang fabrikasi wafer di Malaysia akan, antara lain, menarik industri-industri dan perkhidmatan berkaitan yang lain seperti pemotongan dan penggilapan wafer, rumah rekabentuk 'fabless' dan penanaman jongsong silikon.

Industri separa konduktor di Malaysia merupakan sub-sektor terkemuka dalam industri elektronik di negara ini kerana ia menyumbang sebanyak RM71.1 bilion atau 33 peratus kepada keseluruhan eksport elektronik tahun lalu, tegas Perdana Menteri.

Eksport barangan elektronik Malaysia meningkat dengan teguh daripada RM179.4 bilion pada tahun 1999 kepada RM212.3 bilion tahun lalu.

"Walaupun kita adalah sebuah negara pengeksport utama alat-alat separa

konduktor, tetapi kita masih bergantung kepada komponen-komponen diimport, khususnya wafer separa konduktor yang merupakan kira-kira 70 peratus daripada kos bahan mentah bagi mengeluarkan alat separa konduktor," jelasnya.

Dr Mahathir berkata, import produk komponen elektronik meningkat daripada RM109.2 bilion pada tahun 1999 kepada RM141.9 bilion pada tahun 2000.

Katanya, pembinaan kilang-kilang fabrikasi juga mengadakan pekerjaan bagi kumpulan besar pekerja-pekerja mahir dan berpengetahuan serta mewujudkan permintaan bagi perkhidmatan-perkhidmatan nilai ditambah yang lebih tinggi seperti pembekalan kimia tulen, gas tulen dan penyenggaraan kelengkapan dan mesin kejituan tinggi.

Perasmian kilang ini hari ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia telahpun berupaya melaksanakan pengeluaran produk teknologi yang amat tinggi dan canggih, tegas Perdana Menteri.

Bercakap pada satu sidang akhbar kemudiannya, Dr Mahathir menyeru jurutera-jurutera Malaysia yang kini sedang bekerja di kilang-kilang fabrikasi wafer di seberang laut untuk pulang ke tanahair.

Beliau percaya, jurutera-jurutera Malaysia di kilang-kilang fabrikasi Singapura akan pulang ke tanahair berikutan kelembapan ekonomi di republik itu.

Menyentuh tentang pertemuannya dengan usahawan-usahawan dan pekilang-pekilang negara ini di Kuala Lumpur semalam, Perdana Menteri berkata, beliau telah menasihatkan mereka supaya mencari pasaran-pasaran baru berikutan kelembapan ekonomi di Singapura.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan sedia menghentikan kedatangan pekerja-pekerja asing ke Malaysia jika penduduk tempatan sanggup melakukan kerja-kerja yang lebih rendah upahnya. -- BERNAMA

JM SHY KY JR